



Labuan Membaca

Labuan, 16 April- Perpustakaan Awam Perbadanan Labuan (PAPL) telah melangsungkan pertandingan Bercerita Cerita Pendek Bahasa Melayu bermula 01 hingga 08 April 2021. Pertandingan ini terbuka kepada semua peserta yang berminat seluruh Labuan khususnya. Pertandingan ini diadakan sempena Kempen Galak Guna Perpustakaan Bil 1/2021.

Adik Sofiyah Sumayyah Binti Amir Paisal dari kelas 6 Genius merupakan wakil tunggal SK Pekan Satu. Adik Sofiyah dikehendaki merakam video bercerita bertemakan “Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Seni dan Matematik (STEAM)”. Video adik Sofiyah yang bertajuk “OTAK” dimuatnaik di laman sosial Facebooknya dengan “tag on” Facebook Perpustakaan Awam Labuan.

Guru Besar SKPS Puan Anita Shyamini A/P S. Azman mengucapkan tahniah kepada adik Sofiyah kerana berani menahapi cabaran menyertai pertandingan ini. Pertandingan seperti ini amat baik kerana ianya mampu merangsang murid untuk terus membaca khususnya buku-buku ilmiah. “Ribuan terima kasih dan tahniah kepada adik Sofiyah kerana telah mengharumkan nama SKPS dengan mendapat tempat ketiga serta menerima hadiah sebanyak RM 300.00 daripada PAPL” tambah beliau lagi.

Akhir sekali, Cikgu Nurul Hakimah selaku Ketua Panitia BM SKPS melahirkan rasa kesyukuran dan terima kasih kepada semua kerana menyokong adik Sofiyah sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyediakan video tersebut. Program #LabuanMembaca yang telah diuar-uarkan oleh PAPL mampu meningkatkan lagi minat membaca murid-murid di Labuan khususnya. Tambahnya lagi, tanpa komitmen yang tinggi daripada semua pihak, maka kejayaan seumpama ini tidak dapat dicapai sepertimana yang diharapkan.